

## INFO BALAI PELAWAT HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU



Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru telah berjaya mewujudkan sebuah bangunan penginapan yang dikenali sebagai Balai Pelawat. Bangunan Balai Pelawat ini terdiri dua (2) tingkat dengan kemudahan penginapan di tingkat atas dan kemudahan cafeteria di tingkat bawah. Ia terletak berhampiran dengan blok-blok wad. Sejurus dengan itu pada tanggal 5 November 2008, Balai Pelawat telah beroperasi untuk kemudahan waris pesakit tanpa sebarang bayaran. Mulai 1 April 2009, bayaran telah dikenakan atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia. Balai Pelawat ini dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik tidur yang selesa, kemudahan tandas serta bilik mandi, bilik solat / bilik muosollah (surau), ruang dan tempat duduk bagi istirehat yang selesa, kemudahan televisyen dengan kawalan anggota bertugas dan rak bahan bacaan bagi bacaan semasa istirehat oleh penghuni. Ia juga terbahagi kepada 2 jenis bilik penginapan iaitu bilik penginapan bagi lelaki dan bilik penginapan bagi perempuan dimana ianya boleh memuatkan seramai 10 orang dalam setiap bilik bagi satu-satu masa. KINI, Balai Pelawat ini beroperasi setiap hari termasuk Cuti Mingguan dan Kelepasan Am. Ia bermula jam 8.00 pagi hingga jam 10.00 malam. Tempoh menginap dihadkan selama 3 hari dengan bayaran RM 5.00 sehari dan permohonan lanjutan boleh dibuat semula diwad. Bayaran hendaklah dilakukan di seksyen hasil yang terletak di bangunan induk. Bagi yang ingin menginap di Balai Pelawat, Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru adalah perlu mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Hospital.

